



# UNDANG<sup>2</sup> MALAYSIA

## Act 7

ACT PENDAFTARAN PENJENAYAH DAN ORANG<sup>2</sup>  
YANG TAK DI-INGINI, 1969

Tarikh Persetujuan di-Raja ... 22hb April, 1969

Tarikh di-terbitkan dalam *Warta* ... 1hb Mei, 1969

**UNDANG<sup>2</sup> MALAYSIA****Act 7****ACT PENDAFTARAN PENJENAYAH DAN ORANG<sup>2</sup>  
YANG TAK DI-INGINI, 1969**

---

**SUSUNAN SEKSHEN<sup>2</sup>**

---

## Sekshen

1. Tajok ringkas dan pemakaian.
2. Tafsiran.
3. Perlantikan pegawai<sup>2</sup>.
4. Menteri boleh mensifatkan atau mengishtiharkan lain<sup>2</sup> butir sa-bagai butir<sup>2</sup> boleh di-daftar.
5. Tugas pegawai merekod.
6. Tugas pegawai pengesahan.
7. Hendak-lah di-simpan daftar mengenai butir<sup>2</sup> yang boleh di-daftar.
8. Keengganan menandatangani borang chap jari ada-lah suatu kesalahan.
9. Memulangkan borang chap jari apabila di-bebaskan, dsb.
10. Bukti mengenai chap<sup>2</sup> jari dan thabitan<sup>2</sup> yang dahulu.
11. Bukti mengenai thabitan<sup>2</sup> yang dahulu di-luar Persekutuan.
12. Ketua Polis Negara boleh mengechualikan perkara<sup>2</sup> yang tertentu daripada peruntokan<sup>2</sup> Act ini.
13. Menteri boleh memerentahkan penghapusan butir<sup>2</sup> mengenai orang buangan negeri, dsb.
14. Peratoran<sup>2</sup>.
15. Jadual<sup>2</sup> dan Borang<sup>2</sup>.
16. Pemansokhan dan peralehan.

Jadual<sup>2</sup>.

PU(A) 57/249/70  
PU(A) 256/76  
PU(A) 57/77  
PU(A) 58/77  
PU(A) 89/83  
PU(A) 264/82  
PU(A) 16 5193

5

# UNDANG<sup>2</sup> MALAYSIA

## Act 7

### ACT PENDAFTARAN PENJENAYAH DAN ORANG<sup>2</sup> YANG TAK DI-INGINI, 1969

Suatu Act bagi menyatukan dan meminda undang<sup>2</sup> yang mengadakan peruntukan bagi pendaftaran penjenayah, tertentu, orang<sup>2</sup> buangan negeri, orang<sup>2</sup> usiran, orang<sup>2</sup> nyahan negeri dan orang<sup>2</sup> sekatan dan bagi lain<sup>2</sup> maksud yang bersangkutan dengan-nya.

[2hb Mei, 1969.]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG<sup>2</sup> oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, seperti berikut :

1. (1) Act ini boleh-lah di-namakan Act Pendaftaran Penjenayah dan Orang<sup>2</sup> yang Tak Di-ingini, 1969. Tajuk ringkas dan pemakaian.  
(2) Act ini hendak-lah di-pakai di-seluruh Malaysia.
2. Dalam Act ini melainkan jika kandungan ayat-nya menghendaki ma'ana yang lain— Tafsiran.  
"pegawai pengesahan" erti-nya—
  - (a) pegawai penda'awa yang bertanggung-jawab untuk mengesahkan keputusan sa-suatu kes apabila tamat-nya kes itu jika sa-saorang itu di-pertuduhkan dengan suatu kesalahan boleh di-daftar;
  - (b) pegawai polis yang bertanggung-jawab bagi langkah<sup>2</sup> akhir pembuangan bagi orang buangan negeri itu keluar daripada Persekutuan dan untuk mengesahkan buangan-negeri itu;
  - (c) pegawai polis yang bertanggung-jawab untuk menyampaikan perintah pengusiran kepada orang usiran dan untuk mengesahkan pengusiran itu;
  - (d) pegawai imigeresen atau pegawai polis yang bertanggung-jawab bagi langkah<sup>2</sup> akhir pengenyahan bagi orang nyahan negeri itu daripada Persekutuan atau daripada mana<sup>2</sup> negeri dalam Persekutuan dan untuk mengesahkan pengenyahan itu; atau

(e) berhubung dengan sa-saorang yang telah di-jatohkan hukum penjara bagi suatu tempoh kerana suatu kesalahan boleh di-daftar mana<sup>2</sup> pegawai penjara (dalam pengertian mana<sup>2</sup> undang<sup>2</sup> bertulis dalam Persekutuan berhubung dengan penjara) yang bertanggung-jawab untuk mengesahkan penjaran itu;

“mengesahkan” erti-nya menyempurnakan tugas<sup>2</sup> sa-orang pegawai pengesahan sa-bagaimana yang di-tetapkan oleh Act ini;

“orang buangan negeri” erti-nya sa-siapa jua yang diperentahkan supaya di-buang negeri dari Persekutuan di-bawah mana<sup>2</sup> undang<sup>2</sup> bertulis dalam Persekutuan berhubung dengan pembuangan negeri;

“orang nyahan negeri” erti-nya sa-siapa jua yang diperentahkan supaya di-nyah dari Persekutuan atau dari mana<sup>2</sup> Negeri dalam Persekutuan di-bawah mana<sup>2</sup> undang<sup>2</sup> bertulis dalam Persekutuan berhubung dengan imigeresen;

“orang usiran” erti-nya sa-siapa jua yang diperentahkan supaya di-usir dari Persekutuan di-bawah mana<sup>2</sup> undang<sup>2</sup> bertulis dalam Persekutuan berhubung dengan pembuangan negeri;

“chap jari” termasuk-lah chap ibu-jari tangan, chap tangan dan chap ibu-jari kaki;

“borang chap jari” erti-nya apa<sup>2</sup> jua borang yang di-tetapkan oleh Ketua Polis Negara menurut seksyen 15 bagi maksud merekod atau mengesahkan chap<sup>2</sup> jari dan lain<sup>2</sup> butir yang boleh di-daftar;

“pegawai merekod” erti-nya—

(a) sa-orang pegawai polis;

(b) sa-orang pegawai kastam atau eksais yang hak (dalam pengertian mana<sup>2</sup> undang<sup>2</sup> bertulis dalam Persekutuan berhubung dengan kastam dan eksais) yang tugas-nya ia-lah menchegeh atau menda'awa apa<sup>2</sup> kesalahan boleh di-daftar di-bawah undang<sup>2</sup> itu;

(c) sa-orang pegawai penjara (dalam pengertian mana<sup>2</sup> undang<sup>2</sup> bertulis dalam Persekutuan berhubung dengan penjara) sa-lain daripada sa-orang pegawai penjara yang juga sa-orang pegawai pengesahan; atau

- (d) sa-orang pegawai imigeresen yang tugas-nya ia-lah mencheгах atau menda'awa apa<sup>2</sup> kesalahan boleh di-daftar di-bawah mana<sup>2</sup> undang<sup>2</sup> bertulis dalam Persekutuan berhubung dengan imigeresen;

“daftar” erti-nya daftar yang di-simpan dan di-senggara di-bawah sekshen 7;

“Pendaftar” erti-nya—

- (a) Pendaftar Penjenayah; dan  
 (b) mana<sup>2</sup> orang atau pegawai lain yang di-lantek di-bawah sekshen 3;

“kesalahan boleh di-daftar” erti-nya apa<sup>2</sup> kesalahan yang boleh di-daftar di-bawah Act ini sa-bagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan Kedua;

“butir<sup>2</sup> boleh di-daftar” erti-nya—

- (a) butir<sup>2</sup> mengenai apa<sup>2</sup> thabitan atau hukuman ber-kenaan dengan sa-suatu kesalahan boleh di-daftar;  
 (b) butir<sup>2</sup> mengenai apa<sup>2</sup> perintah berhubung dengan orang<sup>2</sup> buangan negeri, orang<sup>2</sup> usiran, orang<sup>2</sup> nyahan negeri atau orang<sup>2</sup> sekatan;  
 (c) nama, perihal, gambarfoto dan chap<sup>2</sup> jari atau pengelasan chap<sup>2</sup> jari bagi mana<sup>2</sup> orang yang di-thabitkan atas sa-suatu kesalahan boleh di-daftar atau bagi mana<sup>2</sup> orang buangan negeri, orang usiran, orang nyahan negeri atau orang sekatan;  
 (d) butir<sup>2</sup> yang di-sifatkan oleh Mentri sa-bagai butir<sup>2</sup> yang boleh di-daftar di-bawah perenggan (a) sekshen-kechil (1) sekshen 4;  
 (e) butir<sup>2</sup> yang Mentri boleh dari sa-masa ka-samasa dengan perintah yang di-siarkan dalam *Warta* mengishtiharkan sa-bagai butir<sup>2</sup> yang boleh di-daftar di-bawah perenggan (b) sekshen-kechil (1) sekshen 4; atau  
 (f) butir<sup>2</sup> mengenai mana<sup>2</sup> orang yang telah di-ambil dan di-rekod di-bawah mana<sup>2</sup> undang<sup>2</sup> bertulis yang di-mansokhkan di-bawah Act ini;

“orang sekatan” erti-nya sa-siapa jua yang di-perentahkan supaya di-letakkan di-bawah kediaman tersekat di-bawah mana<sup>2</sup> undang<sup>2</sup> bertulis dalam Persekutuan berhubung dengan kediaman tersekat.

Perlantikan  
pegawai<sup>2</sup>.

3. Yang di-Pertuan Agong boleh melantek melalui pemberitahu yang di-siarkan dalam *Warta* bagi maksud<sup>2</sup> Act ini—

- (a) sa-orang Pendaftar Penjenayah bagi Persekutuan;
- (b) Timbalan<sup>2</sup> Pendaftar dan Penolong<sup>2</sup> Pendaftar Penjenayah bagi Persekutuan atau bagi mana<sup>2</sup> bahagian Persekutuan; dan
- (c) mana<sup>2</sup> pegawai lain bagi Persekutuan atau bagi mana<sup>2</sup> bahagian Persekutuan untok menjalankan mana<sup>2</sup> atau semua tugas Pendaftar.

Mentri  
boleh men-  
sifatkan  
atau meng-  
ishtiharkan  
lain<sup>2</sup> butir  
sa-bagai  
butir<sup>2</sup> boleh  
di-daftar.

4. (1) Mentri boleh dari sa-masa ka-samasa dengan perentah yang di-siarkan dalam *Warta*—

- (a) mensifatkan bagi maksud<sup>2</sup> Act ini butir<sup>2</sup> (yang di-kemukakan kepada Pendaftar) mengenai orang<sup>2</sup> yang di-thabitkan atas apa<sup>2</sup> kesalahan (sama ada suatu kesalahan boleh di-daftar di-bawah Act ini atau sa-lain-nya) di-dalam mana<sup>2</sup> negeri atau butir<sup>2</sup> mengenai orang<sup>2</sup> yang di-buang negeri, yang di-usir atau yang di-nyahkan daripada mana<sup>2</sup> negeri atau daripada mana<sup>2</sup> bahagian sa-sabuah negeri di-luar Persekutuan sa-bagai butir<sup>2</sup> boleh di-daftar; atau
- (b) mengishtiharkan bagi maksud<sup>2</sup> Act ini bahawa mana<sup>2</sup> butir (sa-lain daripada butir<sup>2</sup> boleh di-daftar yang di-perihalkan dalam perenggan (a) hingga (d) dalam ta'arif "butir<sup>2</sup> boleh di-daftar") sa-bagai butir<sup>2</sup> boleh di-daftar.

(2) Perentah yang di-buat di-bawah perenggan (a) sekshen-kechil (1) mungkin dengan sa-chara 'am berkenaan dengan apa<sup>2</sup> butir atau kesalahan atau mungkin dengan sa-chara khas berkenaan dengan mana<sup>2</sup> negeri atau mana<sup>2</sup> bahagian sa-sabuah negeri atau berkenaan dengan sa-orang persaoangan, suatu kelas orang<sup>2</sup> persaoangan yang tertentu atau berkenaan dengan apa<sup>2</sup> kesalahan.

Tugas  
pegawai  
merekod.

5. (1) Pegawai merekod yang menjaga sa-suatu kes hendaklah mengambil atau menyebabkan supaya di-ambil dan di-rekod dalam borang chap jari itu chap<sup>2</sup> jari, gambarfoto<sup>2</sup> dan lain<sup>2</sup> butir boleh di-daftar mengenai mana<sup>2</sup> orang itu (sa-lain daripada butir<sup>2</sup> mengenai apa<sup>2</sup> thabitan, hukuman atau lain<sup>2</sup> perentah mahkamah berkenaan dengan sa-suatu kesalahan boleh di-daftar manakala tamat-nya kes itu)—

- (a) apabila sa-saorang itu di-tangkap kerana sa-suatu kesalahan boleh di-daftar; atau

- (b) (i) apabila sa-saorang itu di-thabitkan atas suatu kesalahan boleh di-daftar melainkan jika butir<sup>2</sup>-nya yang boleh di-daftar itu telah pun di-ambil di-bawah perenggan (a); dan
- (ii) apabila sa-saorang itu, sa-lain daripada di-thabitkan atas suatu kesalahan boleh di-daftar, di-hukum penjara sa-lama sa-suatu tempoh;
- (c) apabila sa-saorang itu tidak di-tangkap tetapi disaman supaya hadir dalam mahkamah atas tuduhan mengenai suatu kesalahan boleh di-daftar dan apabila ia kemudian-nya di-thabitkan, atau di-dapati salah dengan tidak di-rekodkan thabitan itu di-bawah mana<sup>2</sup> perintah mahkamah dengan menghendaki yang di-tudoh mengikat jamin supaya berkelakuan baik, dengan meletakkan yang di-tudoh di-bawah perchubaaan atau meletakkan yang di-tudoh di-bawah mana<sup>2</sup> lain perintah sa-umpama itu yang di-buat oleh mahkamah yang mendapati yang di-tudoh itu melakukan suatu kesalahan boleh di-daftar (tetapi mengechualikan-nya daripada suatu perintah thabitan) kechuali jika sa-saorang itu chuma di-tegor atau di-beri amaran atau di-lepaskan; atau
- (d) apabila sa-saorang orang buangan negeri, orang usiran, orang nyahan negeri atau orang sekatan itu di-buang negeri, di-usir, di-nyah atau di-letakkan di-bawah suatu perintah kediaman tersekat mengikut kehendak keadaan,

dan hendak-lah mengemukakan borang chap jari itu kepada Pendaftar dan Pendaftar itu hendak-lah (terta'alok kepada Act ini) menyimpan borang itu.

6. Sa-orang pegawai pengesahan hendak-lah mengesahkan borang chap jari—

Tugas pegawai pengesahan.

- (a) manakala tamat-nya kes itu jika sa-saorang itu—
- (i) di-bebas dan di-lepaskan dari suatu kesalahan boleh di-daftar;
- (ii) di-dapati melakukan suatu kesalahan boleh di-daftar dengan tidak di-rekodkan thabitan itu di-bawah mana<sup>2</sup> perintah mahkamah dengan menghendaki yang di-tudoh supaya mengikat jamin supaya berkelakuan baik, dengan meletakkan yang di-tudoh di-bawah perchubaaan atau meletakkan yang di-tudoh

di-bawah mana<sup>2</sup> lain perintah yang di-buat oleh mahkamah yang mendapati bahawa yang di-tudoh itu melakukan suatu kesalahan boleh di-daftar tetapi mengechualikan-nya daripada suatu perintah thabitan; atau

(iii) di-thabitkan atas suatu kesalahan boleh di-daftar;

(b) apabila sa-saorang orang buangan negeri itu pada kesudahan-nya di-bawa keluar daripada Persekutuan;

(c) apabila suatu perintah pengusiran di-sampaikan kepada sa-orang orang usir itu;

(d) apabila sa-saorang orang nyahan negeri itu pada kesudahan-nya di-bawa keluar daripada Persekutuan; atau

(e) apabila sa-saorang orang sekatan di-letakkan di-bawah kediaman tersekat,

dan hendak-lah mengemukakan borang yang telah di-sahkan dengan sempurna-nya itu kepada Pendaftar dan Pendaftar itu hendak-lah (terta'alok kepada Act ini) menyimpan borang itu.

Hendak-lah di-simpan daftar mengenai butir<sup>2</sup> yang boleh di-daftar.

7. (1) Terta'alok kepada sekshen 12, Pendaftar hendak-lah menyimpan dan menyenggara—

(a) suatu daftar mengandongi butir<sup>2</sup> boleh di-daftar berhubung dengan Negeri<sup>2</sup> Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak di-Ibu Kota;

(b) suatu daftar mengandongi butir<sup>2</sup> boleh di-daftar berhubung dengan Sabah di-Sabah; dan

(c) suatu daftar mengandongi butir<sup>2</sup> boleh di-daftar berhubung dengan Sarawak di-Sarawak.

(2) Pendaftar boleh menyimpan dan menyenggara suatu daftar mengandongi butir<sup>2</sup> boleh di-daftar berhubung dengan mana<sup>2</sup> negeri di-luar Persekutuan yang suatu perintah mengenai-nya telah di-buat menurut sekshen 4 jika butir<sup>2</sup> boleh di-daftar itu di-kemukakan kepada-nya oleh Kerajaan negeri itu.

8. (1) Tiap<sup>2</sup> orang yang butir<sup>2</sup> mengenai-nya boleh di-daftar hendak-lah menandatangani borang chap jari jika butir<sup>2</sup> itu di-ambil menurut sekshen 5 dan 6 atau jika orang itu tidak boleh menandatangani ia hendak-lah menurunkan chap ibu-jari-nya di-dalam borang itu maka borang itu hendak-lah ada tandatangan timbal pegawai merekod atau pegawai pengesahan mengikut kehendak keadaan itu.

Keengganan menandatangani borang chap jari ada-lah suatu kesalahan.

(2) Tiap<sup>2</sup> orang yang enggan supaya apa<sup>2</sup> butir mengenai-nya yang boleh di-daftar di-ambil atau enggan menandatangani borang chap jari atau menurunkan chap ibu-jari-nya di-dalam borang itu apabila di-kehendaki dengan sahnya untok berbuat demikian oleh sa-orang pegawai merekod atau pegawai pengesahan ada-lah melakukan suatu kesalahan dan apabila di-thabitkan boleh-lah di-kenakan denda tidak lebeh daripada lima ratus ringgit atau penjara sa-lama tempoh yang tidak lebeh daripada tiga bulan atau kedua<sup>2</sup>-nya.

(3) Sa-orang pegawai merekod atau pegawai pengesahan boleh menurut sekshen 5 dan 6 menggunakan kekerasan yang perlu atau berpatutan.

9. (1) Kechuali sa-bagaimana yang di-peruntokkan sa-lain-nya dalam sekshen-kechil (2) dan (3) Pendaftar atau pegawai polis, mengikut kehendak keadaan itu hendak-lah—

Memulangkan borang chap jari apabila di-bebaskan, dsb.

(a) jika sa-saorang itu di-bebas dan di-lepaskan dari suatu kesalahan boleh di-daftar, dengan serta merta menyerahkan kepada orang itu borang chap jari, gambarfoto-nya dan negatif gambarfoto itu atas permohonan-nya; atau

(b) jika sa-saorang itu di-dapati melakukan suatu kesalahan boleh di-daftar, dengan tidak di-rekodkan thabitan-nya menyerahkan kepada orang itu borang chap jari, gambarfoto-nya dan negatif gambarfoto itu atas permohonan-nya, apabila habis tempoh perchubaan atau tempoh ikat jamin supaya berkelakuan baik atau apa<sup>2</sup> tempoh lain di-bawah mana<sup>2</sup> lain perintah sa-umpama itu yang di-buat oleh mahkamah yang mendapati yang di-tudoh itu melakukan suatu kesalahan boleh di-daftar (tetapi mengechualikan-nya daripada suatu perintah thabitan) melainkan jika yang di-tudoh itu sa-kali lagi di-dapati melakukan suatu kesalahan boleh di-daftar dalam tempoh itu.

(2) Jika tiada apa<sup>2</sup> permohonan di-bawah sekshen-kecil (1) di-buat dalam tempoh tiga bulan dari tarikh pembebasan dan pelepasan atau habis-nya tempoh yang di-rujuk dalam sekshen-kecil (1) itu Pendaftar hendak-lah memusnahkan borang chap jari, gambarfoto dan negatif gambarfoto itu.

(3) Jika di-bawah perenggan (b) sekshen-kecil (1) orang itu lagi sa-kali di-dapati melakukan suatu kesalahan boleh di-daftar dalam tempoh yang di-nyatakan dalam perenggan itu maka Pendaftar hendak-lah bagi maksud<sup>2</sup> Act ini menyimpan borang chap jari itu dan merekodkan butir<sup>2</sup> yang boleh di-daftar mengenai orang itu (termasok-lah butir<sup>2</sup> kedua<sup>2</sup> kesalahan itu) dalam daftar sa-olah<sup>2</sup> ia telah di-thabitkan bagi kedua<sup>2</sup> kesalahan itu walau pun bahawa Mahkamah mengechualikan perintah thabitan berkenaan dengan kesalahan yang kemudian-nya itu.

(4) Terta'alok kapada sekshen 13, sekshen-kecil (1) dan (2) tidak-lah di-pakai kapada mana<sup>2</sup> orang buangan negeri, orang usiran atau orang nyahan negeri.

10. (1) Terta'alok kapada sekshen-kecil (2) tiap<sup>2</sup>—

(a) borang chap jari jika di-sahkan dengan sempurna oleh pegawai pengesahan;

(b) perakuan, suratan atau chabutan (sama ada berhubong dengan chap<sup>2</sup> jari atau sa-lain-nya) yang—

(i) berdasarkan pada chatitan<sup>2</sup> yang di-chabut dari daftar; dan

(ii) di-peraku<sup>2</sup> oleh Pendaftar sa-bagai sa-demi-kan di-chabut; atau

(c) perakuan yang di-tandatangani oleh Pendaftar mengesahkan bahawa—

(i) chap<sup>2</sup> jari sa-saorang itu telah di-bandingkan dengan chap<sup>2</sup> jari yang lain yang di-ambil dahulu-nya atau kemudian-nya; dan

(ii) chap<sup>2</sup> jari yang telah di-bandingkan itu ialah chap<sup>2</sup> jari orang itu juga,

hendak-lah di-terima sa-bagai keterangan dalam mahkamah dan menjadi bukti yang chukup mengenai perkara<sup>2</sup> yang di-perihalkan di-dalam-nya melainkan jika akas-nya di-buktikan.

Bukti mengenai chap<sup>2</sup> jari dan thabitan<sup>2</sup> yang dahulu.

(2) Apabila apa<sup>2</sup> perakuan yang di-rujok dalam perenggan (c) sekshen-kechil (1) itu di-terima sa-bagai keterangan dalam mahkamah, mahkamah atau yang di-tudoh boleh menyaman Pendaftar sa-bagai sa-orang saksi dan jika yang di-tudoh berbuat demikian ia hendak-lah memberi notis kepada Penda'awa Raya tidak kurang daripada sepuluh hari sa-belum bermula-nya pembicharaan itu.

11. (1) Suatu thabitan yang dahulu dalam sa-sabuah negeri atau dalam mana<sup>2</sup> bahagian sa-sabuah negeri (yang mengenai-nya suatu perintah telah di-buat di-bawah sekshen 4) di-luar Persekutuan boleh di-buktikan dengan mengemukakan perakuan<sup>2</sup> yang di-buat oleh sa-orang pegawai yang berkuasa mengesahkan bahawa chap<sup>2</sup> jari sa-saorang orang yang di-tudoh itu telah di-bandingkan dengan chap<sup>2</sup> jari sa-saorang orang yang telah di-thabitkan dahulu-nya dan bahawa chap<sup>2</sup> jari itu ia-lah chap<sup>2</sup> jari orang itu juga.

Bukti mengenai thabitan<sup>2</sup> yang dahulu di-luar Persekutuan.

(2) Bagi maksud sekshen ini "pegawai yang berkuasa" erti-nya sa-saorang atau pehak-berkuasa yang di-benarkan oleh kerajaan negeri itu atau kerajaan mana<sup>2</sup> bahagian sa-sabuah negeri untok menyimpan dan menyenggara chap<sup>2</sup> jari dan lain<sup>2</sup> butir yang di-sifatkan sa-bagai butir<sup>2</sup> boleh di-daftar menurut sekshen 4.

(3) Apa<sup>2</sup> perakuan yang di-keluarkan oleh pegawai yang berkuasa hendak-lah, melainkan jika akas-nya di-buktikan, menjadi keterangan mengenai semua perkara yang di-perihalkan di-dalam-nya termasuk tandatangan dan kuasa pegawai yang berkuasa itu.

12. (1) Ketua Polis Negara boleh mengarahkan supaya mana<sup>2</sup> orang sa-lain daripada sa-orang orang buangan negeri, orang nyahan negeri, orang usiran atau orang sekatan yang—

Ketua Polis Negara boleh mengechualikan perkara<sup>2</sup> yang tertentu daripada peruntukan<sup>2</sup> Act ini.

- (a) di-thabitkan atas suatu kesalahan boleh di-daftar yang di-nyatakan dalam Jadual Kedua;
- (b) apabila di-thabitkan telah di-kenakan hukuman denda yang tidak lebeh daripada sa-ratus ringgit;
- (c) apabila di-thabitkan tidak di-kenakan hukuman penjara sa-lama sa-suatu tempoh sa-lain daripada hukuman penjara kerana tidak membayar denda; dan

(d) belum pernah dahulu-nya di-daftarkan di-bawah Act ini atau di-bawah mana<sup>2</sup> undang<sup>2</sup> bertulis Negeri<sup>2</sup> Tanah Melayu, Sabah atau Sarawak yang menguruskan pendaftaran penjenayah<sup>2</sup> sa-belum berkuatkuasa-nya Act ini,

di-kechualikan daripada peruntukan<sup>2</sup> Act ini.

(2) Pendaftar hendak-lah apabila arahan di-beri menyimpan butir<sup>2</sup> yang boleh di-daftar mengenai orang yang telah di-thabitkan itu sa-lama satu tahun mulai dari tarikh thabitan itu dan hendak-lah, terta'alok kapada sekshen-kechil (3), memusnahkan-nya dengan serta merta.

(3) Ketua Polis Negara boleh menurut sekshen-kechil (1) membatalkan arahan tersebut sa-belum habis-nya tempoh itu dan berikutan dengan-nya Pendaftar hendak-lah merekodkan butir<sup>2</sup> boleh di-daftar mengenai orang yang di-thabitkan itu menurut sekshen 7 dan mema'alumkan kapada orang itu tentang pembatalan tersebut.

(4) Sekshen ini tidak-lah di-pakai kapada sekshen-kechil (3) sekshen 9.

(5) Sa-siapa jua yang tidak berpuashati dengan pembatalan itu boleh merayu kapada Mentri dalam tempoh 30 hari dari tarikh di-ma'alumkan tentang pembatalan itu.

Mentri boleh memerintah-kan penghapusan butir<sup>2</sup> mengenai orang buangan negeri, dsb.

13. Mentri boleh dengan perintah yang di-siarkan dalam *Warta* memerintah-kan supaya di-hapuskan butir<sup>2</sup> boleh di-daftar mengenai mana<sup>2</sup> jua orang buangan negeri, orang usiran negeri atau orang sekatan (yang belum pernah di-thabitkan atas suatu kesalahan boleh di-daftar) apabila habis-nya tempoh perintah pembuangan negeri atau pengusiran itu atau sa-lepas-nya atau apabila perintah pembuangan negeri, pengusiran atau kediaman tersekat itu di-batalkan.

Peratoran<sup>2</sup>.

14. Mentri boleh membuat peratoran<sup>2</sup> untuk menguatkuasakan maksud<sup>2</sup> dan peruntukan<sup>2</sup> Act ini.

Jadual<sup>2</sup> dan Borang<sup>2</sup>.

15. (1) Mentri boleh dengan perintah yang di-siarkan dalam *Warta* meminda Jadual Pertama dan Kedua.

(2) Ketua Polis Negara boleh melalui pemberitahu yang di-siarkan dalam *Warta* menetapkan borang<sup>2</sup> chap jari atau apa borang lain yang di-sifatkan-nya mustahak bagi maksud<sup>2</sup> Act ini.

16. (1) Undang<sup>2</sup> bertulis yang di-nyatakan dalam Bahagian 1 dalam Jadual Ketiga adalah di-mansokhkan dan undang<sup>2</sup> bertulis yang di-nyatakan dalam Bahagian 2 dalam Jadual Ketiga sa-takat yang di-nyatakan di-dalam-nya sebagai di-kehendaki di-pinda adalah dengan ini di-pinda dengan sa-wajar-nya.

Peman-sokhan dan peralehan.

(2) Apa<sup>2</sup> pemansokhan tidak-lah mengganggu penerusan tentang taraf, perjalanan atau kuatkuasa mana<sup>2</sup> kaedah, peratoran, perintah, kelulusan, arahan, borang, rekod, daftar, chap jari, gambarfoto, perakuan, suratan atau butir<sup>2</sup> mengenai penjenayah<sup>2</sup>, orang<sup>2</sup> buangan negeri, orang<sup>2</sup> usiran negeri, orang<sup>2</sup> nyahan negeri, orang<sup>2</sup> sekatan atau lain<sup>2</sup> orang yang di-ambil, di-rekod, di-gunakan, di-masokkan, di-simpan atau di-senggarakan oleh atau di-bawah mana<sup>2</sup> undang<sup>2</sup> yang di-mansokhkan sa-belum mula berkuatkuasa-nya Act ini.

#### JADUAL PERTAMA

(Sekshen 2)

#### SABAH

#### KESALAHAN<sup>2</sup> BOLEH DI-DAFTAR

#### BAHAGIAN 1

#### KESALAHAN<sup>2</sup> DI-BAWAH KANUN KESEKSAAN

<i>Bab dan Sekshen</i>	<i>Kesalahan</i>
Bab 6, kesemua-nya ... ..	Terhadap Negara
Sekshen 131-136 ... ..	Berkenaan dengan Angkatan Tentera
Bab 12, kesemua-nya ... ..	Berkenaan dengan Duit dan Setem
Sekshen 302, 304A, 305-308, 312-317, 318, 363-373, 376-377B	Mengenai Tuboh Manusia
Sekshen 379-382, 384-389, 392-396, 399-404, 406-410A, 411-414, 417-424, 429-433, 435-440, 448-462	Terhadap Harta
Sekshen 465-469, 471-477A, 489A-489D ...	Berkenaan dengan Suratan
Bab 5, kesemua-nya ... ..	Subahat
Sekshen 120B ... ..	Pakat Jahat Jenayah

#### BAHAGIAN 2

#### KESALAHAN<sup>2</sup> DI-BAWAH UNDANG<sup>2</sup> SABAH

<i>No.</i>	<i>Tajok Ringkas</i>	<i>Sekshen</i>
Bab 91 ...	Chandu dan Chandu Mentah ...	Kesemua Kesalahan
Bab 77 ...	Chap Barang <sup>2</sup> Perniagaan ...	9, 11
Bab 50 ...	Judi ... ..	4 (1), 7 (1)
Ord. 4 tahun 1959	Kanun Achara Jenayah ...	72, 73, 249
Bab 116 ...	Keretapi ... ..	25, 26
Bab 80 ...	Kesalahan <sup>2</sup> Kechil ... ..	18 dan 21, 22A
Ord. 21 tahun 1961	Ketenteraman 'Awam ... ..	3 (2), 4 (1), 5, 6, 7, 12, 13 (1)

(pu(A)58/77)

[Jadual<sup>2</sup>]

16

Act 7

No.	Tajok Ringkas	Sekshen
(PUA) 58/77 Bab 128 ... Ord. 6 tahun 1962	Lalu-lintas Jalan ... Pemeliharaan Keselamatan 'Awam	... (A), 15 (1), 16, 17 (A) Kesemua Kesalahan dan Peratoran <sup>2</sup> yang di-buat di-bawah-nya
Bab 100 ... Ord. 17 tahun 1956	Rachun, Dadah Berbahaya ... Senjatapi dan Letupan ...	Kesemua Kesalahan 5, 11, 12 (4), 16, 16 (A), 22 (5)
Bab 151 ...	Siaran <sup>2</sup> yang Tidak di-Ingini ...	4, 5

BAHAGIAN 3

KESALAHAN<sup>2</sup> DI-BAWAH ORDINANSE<sup>2</sup> PERSEKUTUAN

No.	Tajok Ringkas	Sekshen
P.T.M. 14/1948	Ordinance Asutan ... ..	4
P.T.M. 43/1958	Ordinance Benda <sup>2</sup> Melechor dan Letupan dan Senjata Menchedera	3, 4, 5, 6 (1), 6A (1); 7 (1)
P.T.M. 11/1959	Ordinance Buang-negeri ...	14
P.T.M. 12/1959	Ordinance Imigeresen ... ..	56 (1) (I)
P.T.M. 9/1954	Ordinance Kesalahan <sup>2</sup> Pilehan- raya	3, 4, 5, 6 (1), 11 (1) (a), 11 (1) (b), 26 (b)
K.T.M. 34/1947	Ordinance Pejabat Pos ...	62 hingga 67 termasuk kedua <sup>2</sup> -nya, 69, 71, 78, 80, 81, 83
P.T.M. 46/1958	Ordinance (Pemeliharaan) Ke- tenteraman 'Awam	Kesemua-nya

BAHAGIAN 4

KESALAHAN<sup>2</sup> DI-BAWAH ACT<sup>2</sup> PARLIMEN YANG DI-PERLUASKAN KA-SABAH

No.	Tajok Ringkas	Sekshen
Act 1/1963 ...	Act Insuran ... ..	3, 17 (1), 19 (1), 20 (6), 20 (7), 39 (I)
Act 18/1960 ...	Act Keselamatan Dalam Negeri	Kesemua-nya
Act 42/1961 ...	Act Penchegahan Rasuah ...	3, 4 (a), 4 (b), 4 (c), 5, 7, 8, 9 dan 11
P.W. (N.S.) 885/ 1957	Perlembagaan Persekutuan ...	16 Jadual Kedua

PU(A) 57/77  
PU(A) 268/76  
PU(A) 249/76  
PU(A) 29/83  
PU(A) 455/85

JADUAL KEDUA

(Sekshen 2 dan 12)

KESALAHAN<sup>2</sup> BOLEH DI-DAFTAR YANG BERKENAAN-NYA PENDAF-  
TARAN BOLEH DI-KECHUALIKAN DI-BAWAH SEKSHEN 12

BAHAGIAN 1

KESALAHAN<sup>2</sup> DI-BAWAH KANUN KESEKSAAN

Bab dan Sekshen	Kesalahan
Sekshen 144, 145, 147, 148, 150 152, 158	Perhimpunan yang Menyalahi Undang <sup>2</sup> , dsb.
Sekshen 160A, 161, 162, 163, 164 165, 166, 167, 168, 169, 170, 171, 177, 181, 186, 189	Berkenaan dengan Penjawat 'Awam
Sekshen 193-201, 203-216A, 217-222, 224, 225, 225A, 227	Keterangan palsu dan terhadap Ke'adilan 'Awam
Sekshen 270, 272-276, 276A, 280, 281, 282	Terhadap Kesihatan dan Keselamatan 'Awam

PENDAFTARAN PENJENAYAH DAN ORANG<sup>2</sup> YANG TAK DI-INGINI

17

<i>Bab dan Sekshen</i>	<i>Kesalahan</i>
Sekshen 309, 317A (1), 317A (5), 323, 324-333, 335, 338, 342-348, 353-356	Mengenai Tuboh Manusia
Sekshen 427, 428 ... ..	Terhadap Harta
Sekshen 493-498 ... ..	Berkenaan dengan Perkahwinan
Sekshen 500-502 ... ..	Fitnah
Sekshen 504-507 ... ..	Menakutkan sa-chara Jenayah

*Sekshen 298A ... ..* *berkenaan dengan upacara*

PUCAL/BU/SP

## BAHAGIAN 2

KESALAHAN<sup>2</sup> DI-BAWAH ORDINANCE SABAH

<i>No.</i>	<i>Tajok Ringkas</i>	<i>Sekshen</i>
Bab 77 ...	Chap Barang <sup>2</sup> Perniagaan ...	8, 12-15, 37
Ord. 18 tahun 1959	Eksais ... ..	35, 36 (1) 38 39
Bab 73 ...	Hasil Arak ... ..	35, 36
Bab 129 ...	Insuran Pehak Ketiga Lalu-lintas Jalan	18
Bab 50 ...	Judi ... ..	5, 6, 10
Bab 159 ...	Keselamatan Orang <sup>2</sup> Perempuan dan Kanak <sup>2</sup> Perempuan	3 (1), 4 (1), 6 (1), 7
Bab 94 ...	Pajak-gadai ... ..	Kesemua kesalahan
Bab 66 ...	Penjual Barang Kemas ...	9
Bab 112 ...	Pungutan 'Awam ... ..	3 (2)

## BAHAGIAN 3

KESALAHAN<sup>2</sup> DI-BAWAH ORDINANCE PERSEKUTUAN

<i>No.</i>	<i>Tajok Ringkas</i>	<i>Sekshen</i>
P.T.M. 14/1948	Asutan ... ..	9, 10
P.T.M. 12/1959	Imigeresen ... ..	5, 6, 8, 9, 15, 36, 43, 56 (1) (b), 56 (1) (i)
P.T.M. 28/1950	Talikom ... ..	25, 26, 27, 29, 30

## BAHAGIAN 4

KESALAHAN<sup>2</sup> DI-BAWAH ACT<sup>2</sup> PARLIMEN YANG DI-PERLUASKAN KA-SABAH

<i>No.</i>	<i>Tajok Ringkas</i>	<i>Sekshen</i>
Act 62 tahun 1967	Act Kastam ... ..	135, 137

## JADUAL PERTAMA

(Sekshen 2)

## SARAWAK

KESALAHAN<sup>2</sup> BOLEH DI-DAFTAR

## BAHAGIAN 1

KESALAHAN<sup>2</sup> DI-BAWAH KANUN KESEKSAAN (ORDINANCE: 1934—BAB 57)

<i>Bab dan Sekshen</i>	<i>Kesalahan</i>
Bab 6, kesemua-nya ... ..	Terhadap Negara
Bab 7—Sekshen 131-136 ... ..	Berkenaan dengan Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara
Bab 12—Sekshen 232-241, 243-263 ...	Kesalahan <sup>2</sup> berkenaan dengan Duit dan Setem Kerajaan
Bab 15—Sekshen 297A ... ..	Mengganggu tanah perkuboran atau mayat manusia

<i>Bab dan Sekshen</i>	<i>Kesalahan</i>
Bab 16—	
Sekshen 302-308 ... ..	Kesalahan <sup>2</sup> mengenai Nyawa
Sekshen 312-318 ... ..	Menyebabkan Keguguran, dsb.
Sekshen 363-373 (B) ... ..	Pencholekan dan 'Abdian
Sekshen 376, 376A, 377, 377 (A) dan 377 (B)	Rogol dan Keluchahan
Bab 17—	
Sekshen 379-389 ... ..	Menchuri
Sekshen 392-402 ... ..	Rompak dan Rompok-berkumpul
Sekshen 403-409 ... ..	Menyalah-gunakan Harta dan Pechah Amanah Jenayah
Sekshen 411-424 ... ..	Harta Churi, Tipu dan Surat-ikatan Tipuan
Bab 17—	
Sekshen 429-433 ... ..	Khianat
Sekshen 435-440	
Bab 17—	
Sekshen 448, 449-462 ... ..	Pencherobohan Jenayah, dsb.
Bab 18—	
Sekshen 465, 466-469 ... ..	Pemalsuan, dsb.
Sekshen 472-489 (A-D)	

BAHAGIAN 2

KESALAHAN<sup>2</sup> DI-BAWAH ORDINANCE<sup>2</sup> DAN PERATORAN<sup>2</sup> SARAWAK

<i>No.</i>	<i>Tajok Ringkas</i>	<i>Sekshen</i>
—	Act Rahsia Kerajaan 1911 } ... Act Rahsia Kerajaan 1920 }	Kesemua-nya
Ord. 16/61 ...	Kesihatan Otak ... ..	17 dan 19
Ord. 14/60 ...	Lalu-lintas Jalan ... ..	27, 28 dan 29
Bab 60 ...	Ordinance Chap Barang <sup>2</sup> Per- niagaan, 1953	9, 11, 13 dan 15
<i>7/Pa(A)455/25</i> <del>Bab 119 ...</del>	<del>Ordinance Dadah Berbahaya, 1953</del>	<del>4, 5, 6, 9, 12, 13, 14, 17, 19, 20, 21, 22, 23 dan 24</del>
Bab 27 ...	Ordinance Eksais, 1961 ...	45 (b)
Bab 58 ...	Ordinance Kanun Achara Jena- yah, 1933	249
Ord. 8/62 ...	Ordinance Ketenteraman 'Awam, 1962	4, 5 (2), 6 dan 7
Bab 137 ...	Ordinance Letrik, 1956 ...	33 (3)
Bab 92 ...	Ordinance Perkahwinan Gereja dan Sivil, 1931	29, 30, 31, 33 dan 34
Bab 135 ...	Ordinance Senjata dan Letupan, 1931	6 (3), 8 (2) dan 28
Bab 66 ...	Ordinance Sharikat Kerjasama, 1949	48
Ord. 13/62 ...	Peratoran <sup>2</sup> Pemeliharaan Kese- lamatan 'Awam (Per. 1963 yang di-buat di-bawah Ord. 13/1962)	6, 6A, 7A, 9, 36 dan 39
Ord. 2/60 ...	Perkapalan Saudagar ... ..	13, 190 dan 191

BAHAGIAN 3

KESALAHAN<sup>2</sup> DI-BAWAH ORDINANCE PERSEKUTUAN

<i>No.</i>	<i>Tajok Ringkas</i>	<i>Sekshen</i>
P.T.M. 43/1958	Ordinance Benda <sup>2</sup> Melechor dan Letupan dan Senjata Menchedera	3, 4, 5, 6 (1), 6A (1) dan 7 (1)

PENDAFTARAN PENJENYAH DAN ORANG<sup>2</sup> YANG TAK DI-INGINI 19

No.	Tajok Ringkas	Sekshen
P.T.M. 11/1959	Ordinance Buang-negeri ...	14
P.T.M. 12/1959	Ordinance Imigeresen ...	56 (1) (1)
K.T.M. 34/1947	Ordinance Pejabat Pos ...	62-67 termasuk kedua <sup>2</sup> -nya, 69, 71, 78, 80, 81, 83
P.T.M. 46/1958	Ordinance (Pemeliharaan) Ke-tenteraman 'Awam	Kesemua-nya

## BAHAGIAN 4

KESALAHAN<sup>2</sup> DI-BAWAH PERLEMBAGAAN DAN ACT<sup>2</sup> PARLIMEN

No.	Tajok Ringkas	Sekshen
Act 1/1963 ...	Act Insuran ... ..	3, 17 (1), 19 (1), 20 (6), 20 (7) dan 39 (1)
Act 55/67 ...	Act Kebankrapan ... ..	109, 112, 115 (3)
Act 18/1960 ...	Act Keselamatan Dalam Negeri	Kesemua-nya
Act 42/1961 ...	Act Pencegahan Rasuah ...	3, 4 (a), 4 (b), 4 (c), 5, 7, 8, 9 dan 11
P.W. (S.B.) 885 tahun 1957	Perlembagaan Persekutuan ...	16 dalam Bhgn. 3 Jadual Kedua
Act 13/1966 ...	Act Pertubuhan ... ..	42-49 dan 52

Pu(A) 52/77  
 Pu(A) 256/76  
 Pu(A) 269/76  
 Pu(A) 87/83

## JADUAL KEDUA

## BAHAGIAN 1

KESALAHAN<sup>2</sup> DI-BAWAH KANUN KESEKSAAN (ORDINANCE: 1934—BAB 57)

Bab dan Sekshen	Kesalahan
Bab 8—	
Sekshen 141-158 ... ..	Terhadap Ketenteraman 'Awam
Sekshen 161-165 ... ..	Suapan Menyalahi Undang <sup>2</sup>
Bab 9—Sekshen 167, 170, 177, 181 dan 189	Kesalahan <sup>2</sup> berkenaan dengan Penjawat <sup>2</sup> 'Awam
Bab 11—Sekshen 193-201, 203-229, 270, 281, 295	Keterangan Palsu dan Kesalahan <sup>2</sup> terhadap Ke'adilan 'Awam
Bab 16—	
Sekshen 324-333, 335-338 ... ..	Kesalahan <sup>2</sup> mengenai Tuboh Manusia
Sekshen 343-348 ... ..	Pengurongan Salah
Sekshen 353-356 ... ..	Kekerasan Jenayah
Bab 17—Sekshen 427 dan 428 ... ..	Khianat
Bab 23—Sekshen 493-496 ... ..	Kesalahan <sup>2</sup> berkenaan dengan Perkahwinan
Bab 20—Sekshen 498 ... ..	Memikat sa-saorang perempuan yang bersuami
Bab 22—Sekshen 504-507 ... ..	Menakutkan sa-chara Jenayah, Meng-
Sekshen 298A ... ..	'aibkan dan Kegusaran berkaitan dengan ujama

Pu(A) 264/84

## BAHAGIAN 2

KESALAHAN<sup>2</sup> DI-BAWAH PERATORAN<sup>2</sup> DAN ORDINANCE<sup>2</sup> SARAWAK

No.	Tajok Ringkas	Sekshen
Ord. 14/62 ...	Chetak Menchetak ... ..	4, 8 dan 10
Ord. 3/59 ...	Keselamatan Orang <sup>2</sup> Muda dan Kanak <sup>2</sup>	7
Ord. 16/61 ...	Kesihatan Otak ... ..	18 dan 20
Bab 20 ...	Ordinance Asutan, 1938 ...	8 (1) (a) dan 8 (2)
Bab 60 ...	Ordinance Chap Barang <sup>2</sup> Per-niagaan, 1953	7, 8, 12, 16 dan 17

1/1/PU (A) 4055/83

No.	Tajok Ringkas	Sekshen
<del>Bab 119</del> ...	<del>Ordinance Dadah Berbahaya, 10 dan 15</del> <del>1953</del>	<del>10 dan 15</del>
Bab 27 ...	Ordinance Eksais, 1951 ...	41 dan 42
Bab 126 ...	Ordinance Hutan, 1954 ...	81, 83, 84, 85, 86 dan 87
Bab 138 ...	Ordinance Judi, 1957 ...	4, 5 dan 8
Bab 137 ...	Ordinance Letrik, 1956 ...	33 (4) dan 33 (5)
Bab 22 ...	Ordinance Mata-mata, 1955 ...	81
Bab 10 ...	Ordinance Pendaftaran Beranak dan Mati, 1951	27
Bab 121 ...	Ordinance Rachun, 1956 ...	16 (1)
Bab 135 ...	Ordinance Senjata dan Letupan, 1931	19, 21 (2), 29, 30A dan 31
Bab 52 ...	Ordinance Surat Akuan, 1950	4
Bab 139 ...	Ordinance Surat Akhbar Tempatan, 1958	7
Ord. 2/1960 ...	Perkapalan Saudagar ...	28, 38, 81, 101, 142, 197 dan 261 (2)

BAHAGIAN 3

KESALAHAN<sup>2</sup> DI-BAWAH ORDINANCE<sup>2</sup> PERSEKUTUAN

No.	Tajok Ringkas	Sekshen
P.T.M. 12/1959	Ordinance Imigeresen ...	5, 6, 8, 9, 15, 36, 43, 56 (1) (b), 56 (1) (i)
P.T.M. 28/1950	Ordinance Talikom ...	25, 26, 27, 29, 30

BAHAGIAN 4

KESALAHAN<sup>2</sup> DI-BAWAH ACT<sup>2</sup> PARLIMEN

No.	Tajok Ringkas	Sekshen
Act 62/67 ...	Act Kastam ...	135 dan 137

JADUAL PERTAMA

(Sekshen 2)

NEGERI<sup>2</sup> TANAH MELAYU  
KESALAHAN<sup>2</sup> BOLEH DI-DAFTAR

BAHAGIAN 1

KESALAHAN<sup>2</sup> DI-BAWAH KANUN KESEKSAAN

Bab dan Sekshen	Kesalahan
Bab 6, kesemua-nya ...	Terhadap Negara
Sekshen 131-136 ...	Berkenaan dengan Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara
Bab 12, kesemua-nya ...	Berkenaan dengan Duit dan Setem
Sekshen 302, 304-308 ...	Mengenai Nyawa
Sekshen 312-318 ...	Berkenaan dengan Kelahiran
Sekshen 363-373A ...	Pencholekan, 'Abdian
Sekshen 376-377A ...	Rogol, Kesalahan <sup>2</sup> Luar Tabi'i, Melanggar Kesopanan
Sekshen 379-424 ...	Menchuri, Tipu, dsb.
Sekshen 429-433, 435-440 ...	Khianat
Sekshen 448-462 ...	Pencherobohan rumah, Pechahrumah, dsb.
Sekshen 465-477A ...	Pemalsuan
Sekshen 489A-489D ...	Berkenaan dengan Matawang Kertas dan Surat Janji Bayaran Bank
Bab 5 dan Sekshen 511 ...	Menyubahati dan Menchuba hendak melakukan mana <sup>2</sup> jua kesalahan di-atas

PENDAFTARAN PENJENAYAH DAN ORANG<sup>2</sup> YANG TAK DI-INGINI 21

## BAHAGIAN 2

KESALAHAN<sup>2</sup> DI-BAWAH ORDINANCE<sup>2</sup> PERSEKUTUAN DAN KESATUAN  
TANAH MELAYU

<i>No.</i>	<i>Tajok Ringkas</i>	<i>Sekshen</i>
K.T.M. 26 tahun 1947	Ordinance Melarikan dan Menakutkan sa-chara Jenayah Saksj <sup>2</sup> 1947	3, 4, 5, 6
P.T.M. 11 tahun 1959	Ordinance Buang-negeri, 1959	14
P.T.M. 33 tahun 1956	Ordinance Perkahwinan Keristian. 1956	32, 33, 34
P.T.M. 43 tahun 1958	Ordinance Benda <sup>2</sup> Melechor dan Letupan Senjata <sup>2</sup> Menchedera, 1958	3, 4, 5, 6 (1), 6A (1), 7 (1)
P.T.M. 9 tahun 1954	Ordinance Kesalahan <sup>2</sup> Pilehan- raya	3, 4, 5, 6 (1), 11 (1) (a), 11 (1) (b), 26B
P.T.M. 12 tahun 1959	Ordinance Imigeresen, 1959 ...	56 (1) (l)
P.T.M. 70 tahun 1952	Ordinance Perkapalan Sauda- gar, 1952	56, 87, 106, 157, 177, 200 (3), 220, 300, 406, 437
P.T.M. 3 tahun 1955	Ordinance Kesalahan <sup>2</sup> Kechil, 1955	28 (i), 28 (j), 28 (k), 29
P.T.M. 56 tahun 1951	Ordinance Orang <sup>2</sup> Islam Haji ...	9, 61
P.T.M. 15 tahun 1950	Ordinance Rahsia Kerajaan, 1950	3, 5, 6, 8, 9, 10, 11 dan 12 jika berkenaan
K.T.M. 34 tahun 1947	Ordinance Pejabat Pos, 1947 ...	62 hingga 67 termasuk kedua <sup>2</sup> -nya, 69, 71, 78, 80, 81, 83
P.T.M. 13 tahun 1959	Ordinance Menchegah Jenayah, 1959	15 (4), 16 (2) dan 18
P.U. 87 tahun 1959	Peratoran <sup>2</sup> Menchegah Jenayah, 1959	Per. 11 (a), 11 (b)
P.T.M. 46 tahun 1958	Ordinance (Pemeliharaan) Ke- tenteraman 'Awam, 1958	Kesemua-nya
P.T.M. 61 tahun 1950	Ordinance Pemegang Amanah Raya, 1950	22 (10)
K.T.M. 8 tahun 1948	Ordinance Keretapi, 1948 ...	110, 111, 113
P.T.M. 49 tahun 1958	Ordinance Lalu-lintas Jalan, 1958	34A, 37 (1), 44
P.T.M. 14 tahun 1948	Ordinance Asutan, 1948 ...	4

&lt; PUC(A) 216/72

## BAHAGIAN 3

KESALAHAN<sup>2</sup> DI-BAWAH ENACTMENT<sup>2</sup> NEGERI YANG TELAH DI-PAKAI DI-SELUROH  
PERSEKUTUAN

<i>No.</i>	<i>Tajok Ringkas</i>	<i>Sekshen</i>
N.M.B. 7 tahun 1941	Enactment Duti Harta Pesaka, 1941	51 (2)
N.M.B. Bab 39	Enactment Kediaman Tersekat	6, 7

## BAHAGIAN 4

KESALAHAN<sup>2</sup> DI-BAWAH ENACTMENT<sup>2</sup> NEGERI YANG TELAH DI-PAKAI DI-SELUROH  
NEGERI<sup>2</sup> MELAYU DAN KESALAHAN<sup>2</sup> DI-BAWAH ORDINANCE NEGERI SELAT YANG  
BERSAMAAN

<i>No.</i>	<i>Tajok Ringkas</i>	<i>Sekshen</i>
N.M.B. Bab 6	Kanun Achara Jenayah ...	67, 68, 69, 79, 297
N.S. Bab 21 ...	Kanun Achara Jenayah ...	14, 73 hingga 77 termasuk kedua <sup>2</sup> -nya, 89
N.M.B. Bab 43	Enactment Manuver Tentera ...	7 (2)
N.S. Bab 103 ...	Ordinance Manuver Tentera ...	16

## BAHAGIAN 5

KESALAHAN<sup>2</sup> DI-BAWAH UNDANG<sup>2</sup> NEGERI DAN NEGERI SELAT YANG LAIN

<i>No.</i>	<i>Tajok Ringkas</i>	<i>Sekshen</i>
N.M.B. Bab 149	Enactment Pembeli <sup>2</sup> Emas ...	3, 3A
N.M.B. Bab 147	Enactment Lombong ...	118A
Enactment Kedah 5/52	Enactment Kera'ayatan, 1952 ...	16
Enactment Johor 2/52	" " " ...	16
Enactment Kelantan 2/52	" " " ...	16
Enactment Negeri Sembilan 2/52	" " " ...	16
Enactment Pahang 2/52	" " " ..	16
Enactment Perak 1/52 ...	" " " ...	16
Enactment Perlis 1/52 ...	" " " ...	16
Enactment Selangor 2/52	" " " ...	16
Enactment Trengganu 3/52	" " " ...	16
N.M.B. Bab 151	Enactment Perlindungan Hasil- an Ladang	3, 4, 5
N.S. Bab 121...	Ordinance Mendaftar Surat- ikatan	27, 28
N.M.B. Bab 156	Enactment Keselamatan Orang Perempuan dan Kanak <sup>2</sup> Perempuan	Kesemua-nya

Kesalahan<sup>2</sup> di-bawah mana<sup>2</sup> peruntukan undang<sup>2</sup> yang pada masa itu berkuat-kuasa di-dalam mana<sup>2</sup> Negeri dan Negeri Selat yang bersamaan dengan mana<sup>2</sup> peruntukan undang<sup>2</sup> yang di-nyatakan dalam Bahagian ini bagi Jadual ini.

## BAHAGIAN 6

KESALAHAN<sup>2</sup> DI-BAWAH PERLEMBAGAAN DAN ACT PARLIMEN

<i>No.</i>	<i>Tajok Ringkas</i>	<i>Sekshen</i>
Act 21 tahun 1960	Act Senjata ... ..	9, 10 (1) (2), 12 (2), 14 (1), 15 (1), 21, 22 (3), 23 (1), 25 (2), 30 (1) (a), 30 (2), 34 (3) (4) dan 40 jika berkenaan
Act 55 tahun 1961	Act Kebankrapan ... ..	109, 112, 115 (3)
P.W. (S.B.) 885 tahun 1957	Perlembagaan Persekutuan ...	16 Jadual Kedua
Act 1 tahun 1963	Act Insuran, 1963 ... ..	3, 17 (1), 19 (1), 20 (6), 20 (7), 39 (1)
Act 18 tahun 1960	Act Keselamatan Dalam Negeri, 1960	Kesemua-nya
Act 41 tahun 1961	Act Perbekalan, 1961 ... ..	3 (1), 4, 5 (1), 5 (2)
Act 42 tahun 1961	Act Penchehahan Rasuah, 1961	3, 4 (a), 4 (b), 4 (c), 5, 7, 8, 9 dan 11
Act 13 tahun 1966	Act Pertubohan, 1966 ... ..	42 hingga 49 dan 52

**JADUAL KEDUA**  
(Sekshen 2 dan 12)

**KESALAHAN<sup>2</sup> BOLEH DI-DAFTAR YANG BERKENAAN DENGAN-NYA  
PENDAFTARAN BOLEH DI-KECHUALIKAN DI-BAWAH SEKSHEN 12**

**BAHAGIAN 1**

**KESALAHAN<sup>2</sup> DI-BAWAH KANUN KESEKSAAN**

<i>Bab dan Sekshen</i>	<i>Kesalahan</i>
Sekshen 144-150, 152-158 ... ..	Perhimpunan yang Menyalahi Undang <sup>2</sup> , Rusohan, dsb.
Sekshen 161, 165, 170 ... ..	Berkenaan dengan Penjawat <sup>2</sup> 'Awam
Sekshen 177, 181, 186, 189 ... ..	Ma'alumat Palsu, dsb.
Sekshen 193-201 ... ..	Keterangan Palsu
Sekshen 203-222 ... ..	Melindongi Pensalah <sup>2</sup> , dsb.
Sekshen 224, 225, 225A, 227, 229 ... ..	Lari, dsb.
Sekshen 270, 281, 295 ... ..	Keselamatan 'Awam, Ugama
Sekshen 324-333, 335-338 ... ..	Menyebabkan Chedera
Sekshen 343-348 ... ..	Pengurongan Salah
Sekshen 353-356 ... ..	Kekerasan Jenayah
Sekshen 427, 428 ... ..	Khianat
Sekshen 493-496, 498 ... ..	Berkenaan dengan Perkahwinan
Sekshen 504-507 ... ..	Menakutkan sa-chara Jenayah
Bab 5 dan Sekshen 511 ... ..	Menyubahati dan Menchuba melaku- kukan mana <sup>2</sup> jua kesalahan di-atas berkaitan dengan ugama

*ruca) 264/84*

**BAHAGIAN 2**

**KESALAHAN<sup>2</sup> DI-BAWAH ORDINANCE<sup>2</sup> PERSEKUTUAN DAN KESATUAN TANAH MELAYU**

<i>No.</i>	<i>Tajok Ringkas</i>	<i>Sekshen</i>
P.T.M. 47 tahun 1953	Ordinance Pertarohan ... ..	4, 5, 6 (3)
P.T.M. 26 tahun 1953	Ordinance Rumah Judi 'Am, 1953	4, 5, 8
<del>P.T.M. 30 tahun 1952</del>	<del>Ordinance Dadah Berbahaya, 1952</del>	<del>Kesemua-nya.</del>
P.T.M. 40 tahun 1957	Ordinance Letupan, 1957 ... ..	Kesemua-nya dan mana <sup>2</sup> kaedah <sup>2</sup> dan peratoran <sup>2</sup> yang di-buat atau di-sifat- kan sa-bagai di-buat di- bawah-nya
K.T.M. 18 tahun 1947	Ordinance Pungutan Rumah ka- Rumah dan di-Leboh, 1947	33 (2), 3 (3), 6, 7, 8
P.T.M. 12 tahun 1959	Ordinance Imigeresen, 1959 ... ..	5, 6, 8, 9, 15, 36, 43, 56 (1) (b), 56 (1) (i)
P.T.M. 86 tahun 1952	Ordinance Loteri, 1952 ... ..	9, 10
P.T.M. 10 tahun 1950	Ordinance Chap Barang <sup>2</sup> Per- niagaan, 1950	7, 8, 9, 11, 12, 13, 15, 18, 19 dan 20
P.T.M. 70 tahun 1952	Ordinance Perkapalan Sauda- gar, 1952	26, 57, 60, 93 (1), 183 (f), 384, 387, 388
P.T.M. 56 tahun 1951	Ordinance Orang <sup>2</sup> Islam Haji ... ..	18, 19
P.U. 151 tahun 1960	Peratoran <sup>2</sup> Pendaftaran Negara, 1960	Per. 24 (1) (a), 24 (1) (d), 24 (1) (e), 24 (1) (i), 24 (1) (j) dan 24 (1) (l)
P.T.M. 53 tahun 1952	Ordinance Pendaftaran Perkah- winan, 1952	14 (1) (a)
P.T.M. 28 tahun 1952	Ordinance Jualan Makanan dan Dadah, 1952	11
P.T.M. 14 tahun 1948	Ordinance Asutan, 1948 ... ..	9, 10
P.T.M. 28 tahun 1950	Ordinance Talikom, 1950 ... ..	25, 26, 27, 29, 30

*d/P1(A) 455/83*

## BAHAGIAN 3

KESALAHAN<sup>2</sup> DI-BAWAH UNDANG<sup>2</sup> NEGERI YANG LAIN

<i>No.</i>	<i>Tajok Ringkas</i>	<i>Sekshen</i>
N.M.B. Bab 153	Enactment Hutan ... ..	31, 32

Kesalahan<sup>2</sup> di-bawah mana<sup>2</sup> peruntokan undang<sup>2</sup> yang pada masa itu berkuat-kuasa di-dalam mana<sup>2</sup> Negeri yang bersamaan dengan mana<sup>2</sup> peruntokan undang<sup>2</sup> yang di-nyatakan dalam Bahagian ini bagi Jadual ini.

## BAHAGIAN 4

KESALAHAN<sup>2</sup> DI-BAWAH ACT<sup>2</sup> PARLIMEN

<i>No.</i>	<i>Tajok Ringkas</i>	<i>Sekshen</i>
Act 34 tahun 1961	Eksais, 1961 ... ..	17 (1), 17 (2), 73 (1), 78, 79 (1), 79 (2) dan 81 jika berkenaan
Act 62 tahun 1967	Act Kastam, 1967 ... ..	135, 137

## JADUAL KETIGA

## BAHAGIAN 1

## PEMANSOKHAN

<i>Nombor</i>	<i>Tajok</i>
18/1948 ...	Ordinance Pendaftaran Penjenayah (Negeri <sup>2</sup> Tanah Melayu).
18/1956 ...	Ordinance Chap-jari (Sabah).
14/1958 ...	Ordinance Chap-jari (Sarawak).

## BAHAGIAN 2

## PINDAAN

<i>Nombor</i>	<i>Tajok</i>	<i>Pindaan</i>
4/1958 ...	Kanun Achara Jenayah (Sabah)	1. Dalam perenggan (c) sekshen-kecil (3) sekshen 245, bagi perkataan <sup>2</sup> "Ordinance Chap-jari" hendaklah di-ganti dengan perkataan <sup>2</sup> "Act Pendaftaran Penjenayah dan Orang <sup>2</sup> yang Tak Di-Ingini, 1968". 1969 - P.U.(R) 180/69
Bab 58 ...	Kanun Achara Jenayah (Sarawak)	2. Dalam hashiah kepada perenggan (c) sekshen-kecil (3) sekshen 245, rujukan kepada "Ord. No. 18 tahun 1956." hendaklah di-potong.
12/1959 ...	Ordinance Imigeresen (sahabagaimana yang di-perluaskan untuk di-pakai di-seluruh Malaysia)	1. Sa-lepas perenggan (b) sekshen-kecil (3) sekshen 245 hendaklah di-masok perenggan baharu yang berikut "(c) Act Pendaftaran Penjenayah dan Orang <sup>2</sup> yang Tak Di-Ingini, 1968." 1969 - P.U.(R) 180/69 (a) Bagi perkataan <sup>2</sup> "Ordinance Pendaftaran Penjenayah, 1948" yang terdapat dalam sekshen 52 hendaklah di-ganti dengan perkataan <sup>2</sup> "Act Pendaftaran Penjenayah dan Orang <sup>2</sup> yang Tak Di-Ingini, 1968"; 1969 - P.U.(R) 180/69 (b) Sa-lepas perkataan <sup>2</sup> , "di-pechat daripada Persekutuan" yang terdapat dalam sekshen 52 hendaklah di-masok perkataan <sup>2</sup> , "dan di-thabitkan atas suatu kesalahan boleh di-daftar".

PENDAFTARAN PENJENAYAH DAN ORANG<sup>2</sup> YANG TAK DI-INGINI 25

<i>Nombor</i>	<i>Tajok</i>	<i>Pindaan</i>
13/1959 ...	Ordinance Menchegeh Jenayah	Bagi perkataan <sup>2</sup> "di-bawah seksyen 3 Ordinance Pendaftaran Penjenayah, 1948" yang terdapat dalam ta'arif "Pendaftaran" hendak-lah di-ganti dengan perkataan <sup>2</sup> , "di-bawah seksyen 3 Act Pendaftaran Penjenayah dan Orang <sup>2</sup> yang Tak Di-Ingini, 1968." 1969
18/1960. ...	Act Keselamatan Dalam Negeri	1. Bagi perkataan <sup>2</sup> "Ordinance Pendaftaran Penjenayah, 1948" dan "Ordinance itu" yang terdapat dalam seksyen-kecil (1) seksyen 78 hendak-lah masing <sup>2</sup> -nya di-ganti dengan perkataan <sup>2</sup> "Act Pendaftaran Penjenayah dan Orang <sup>2</sup> yang Tak Di-Ingini, 1968" dan "Act itu". 1969 - 1968 1969 2. Bagi perkataan <sup>2</sup> "Ordinance Pendaftaran Penjenayah, 1948," dan "Ordinance itu" yang terdapat dalam seksyen-kecil (2) seksyen 78 hendak-lah masing <sup>2</sup> -nya di-ganti dengan perkataan <sup>2</sup> , "Act Pendaftaran Penjenayah dan Orang <sup>2</sup> yang Tak Di-Ingini, 1968" dan "Act itu." 1969 - 1968 3. Chatitan di-kaki muka surat* kepada seksyen-kecil (2) seksyen 78 hendak-lah di-potong.

KUALA LUMPUR

DI-CHEKAT OLEH PENCHETAK KERAJAAN DAN DI-TERBITKAN DENGAN PERENTAH PADA  
1HB MEI, 1969

Harga: \$1